

# Festival Konvokesyen Keenam UniMAP

Oleh: En. Azfaridon Zulkarnal Azmi

Bersempena dengan Istiadat Konvokesyen Keenam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berlangsung pada 17 dan 18 September 2011, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah mengadakan Festival Konvokesyen UniMAP Kali Keenam yang telah berlangsung selama 6 hari bermula pada 13 sehingga 18 September 2011.

Festival selama enam hari ini telah berlangsung di Dataran Dato' Sheikh Ahmad Kangar. Bertemakan "Sedekad Gemilang" bersempena dengan 10 tahun usia penubuhan UniMAP yang akan disambut awal tahun hadapan.

Majlis Perasmian Festival Konvokesyen UniMAP kali keenam telah diadakan pada 14 September 2011. Majlis Perasmian ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis selaku Canselor UniMAP dan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda selaku Pro-Canselor Universiti, yang juga turut berangkat sama hadir dalam majlis perasmian tersebut. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Canselor dan Pro-Canselor telah disambut oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP.

Di samping pembukaan dan jualan di gerai-gerai basah dan kering. Tapak festival konvo turut diserikan dengan pelbagai acara dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang festival konvo ini berlangsung antaranya Konvoi Konvo, Rekacipta (3R) dan mewarna, Bandar Raya, "Revolution of Dance", Pertandingan Mewarna dan Rekacipta, Malam Nur Kelestarian Islam, Pertandingan Ten pin Bowling, dan lain-lain lagi.



Kehadiran artis-artis jemputan yang telah diundang turut memeriahkan lagi keadaan di tapak festival konvo ini. Antaranya penyanyi, Lufya AF tampil membuat persembahan pada Majlis Perasmian manakala Nubhan AF dan Fiq Mentor tampil pada Majlis Penutup bagi Festival Konvokesyen Keenam ini.

Majlis Penutup bagi Festival Konvokesyen UniMAP Kali Keenam pula telah diadakan pada 18 September 2011. Majlis Perasmian Penutup disempurnakan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, turut hadir Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal dan Penasihat Jawatankuasa Pelaksana Festival Konvokesyen ke-6 UniMAP, Encik Razli Ahmad. Dalam ucapannya, Dato' Kamarudin berkata melalui penganjuran FESKON ke-6 adalah salah satu cara UniMAP memberi pendedahan awal kepada mahasiswa tentang dunia luar sebelum bergraduasi.

